

Dasar kewangan Malaysia dicontohi negara membangun: Bank Dunia

BH
21/8/2015
m/s 3

» Perancangan sistem inovatif, berdaya tahan, ekonomi Islam bukti kejayaan model tersusun

► Kuala Lumpur


Kejayaan Malaysia dalam kerangkuman kewangan menjadi model bagi negara membangun di seluruh dunia, kata Pakar Ekonomi, Kewangan dan Amalan Global Pasaran Kumpulan Bank Dunia, Dr Jose de Luna Martinez.

“Malaysia adalah bukti kejayaan dari segi sistem kewangan, pelan pembangunan sistem kewangan dan menempatkannya pada kedudukan khusus dalam kewangan Islam.

“Kejayannya banyak terhasil oleh inovatif, berdaya tahan dan sektor kewangan yang inklusif,” katanya pada majlis pelancaran Persidangan dan Laporan Pangkalan Data 2014 Rangkuman Kewangan Global (Global Findex) di sini, semalam.

Pangkalan data Global Findex yang dilancarkan Bank Dunia pada tahun 2011, menawarkan petunjuk setanding yang menunjukkan bagaimana individu di 143 negara menyimpan, meminjam, membuat pembayaran dan mengurus risiko.

Pangkalan data edisi 2014 mendedahkan 62 peratus orang dewasa di seluruh dunia mempunyai akaun di bank atau institusi



Zeti (tengah) dan Martinez (dua dari kiri) pada majlis pelancaran Persidangan dan Laporan Pangkalan Data 2014 Rangkuman Kewangan Global (Global Findex) di Kuala Lumpur, semalam. (FOTO MUHD ZAABA ZAKERIA/BH)

kewangan atau dengan pembekal wang mudah alih.

Tahap lebih tinggi

Laporan itu menunjukkan Malaysia mempunyai tahap lebih tinggi dalam pemilikan akaun bank berbanding kadar global sebanyak 62 peratus pada tahun 2014 dan yang kedua tertinggi tahap pemilikan akaun bank untuk orang dewasa dalam kalangan negara Asia Tenggara selepas Singapura.

Ia berkata, 81 peratus orang dewasa di Malaysia berpengeta-

“**Kejayannya banyak terhasil oleh inovatif, berdaya tahan dan sektor kewangan yang inklusif**”

Dr Jose de Luna Martinez, Pakar Ekonomi, Kewangan dan Amalan Global Pasaran Kumpulan Bank Dunia

huan dalam perkhidmatan kewangan pada tahun 2014 berbanding 66 peratus pada tahun 2011.

“Pemilikan akaun bagi orang dewasa daripada 40 peratus isi rumah termiskin di Malaysia meningkat kepada 76 peratus daripada 50 peratus,” katanya.

Sumber paling komprehensif

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata Global Findex adalah salah satu sumber yang paling komprehensif dan data rangku-

man kewangan berwibawa.

Beliau berkata, Global Findex menawarkan pandangan dalam kedudukan kewangan di dunia hari ini.

“Kami berbangga kumpulan Bank Dunia memilih bandar kosmopolitan Kuala Lumpur untuk menjadi tuan rumah pelancaran rantau Asia bagi Global Findex,” katanya dalam ucapannya pada persidangan itu.

Zeti berkata, sejak penubuhan BNM pada tahun 1959, rangkuman kewangan menjadi agenda pentingnya. **BERNAMA**